

20/12/1999

Wakil rakyat tidak wajar guna khidmat orang tengah

BANDAR JENGKA, Ahad - Pertubuhan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) berpendapat wakil rakyat tidak wajar menyerahkan tugas menyelia pembangunan kawasan yang ditadbirnya menerusi orang tengah.

Mereka perlu membuka pusat khidmat masyarakat di situ di samping mengamalkan sikap turun padang bagi mengetahui masalah rakyat.

Langkah yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bertujuan memberi peluang kepada rakyat menyampaikan masalah dihadapi mereka.

Yang Dipertua PKPKM, Datuk Ahmad Arshad, berkata wakil rakyat perlu melaksanakan saranan Perdana Menteri segera selaras manifesto kerajaan dalam pilihan raya umum lalu.

Menurutnya, usaha itu juga boleh mengembalikan kepercayaan masyarakat terhadap pucuk pimpinan dan kerajaan yang hampir tergugat akibat masalah ekonomi dan politik negara.

"Sudah sampai masanya wakil rakyat mengubah pendekatan mereka supaya sesuai dengan kehendak parti dan masyarakat.

"Ini termasuk sering turun padang seperti disarankan pucuk pimpinan negara," katanya, hari ini.

Ahmad berkata, tindakan sesetengah wakil rakyat yang membuat penyeliaan menerusi orang tengah atau pegawai dilantik perlu dikikis kerana boleh mengurangkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

Katanya, ada laporan yang disampaikan orang tengah berat sebelah dan tidak memihak kepada kerajaan berikutan mereka terpengaruh dengan pelbagai isu.

Menurut Ahmad, jika masalah itu berlarutan, Barisan Nasional (BN) akan menghadapi masalah untuk mengekalkan majoriti pada pilihan raya umum akan datang.

Mengenai projek pertanian khusus untuk pekebun kecil, beliau berkata, wakil rakyat seharusnya mendalami masalah mereka dan membincangkannya di peringkat negeri dan negara.

Katanya, tidak wajar jika kerajaan mengharap sesuatu pertubuhan memberikan maklum balas sehingga menimbulkan pelbagai tanggapan buruk terhadap sesebuah organisasi.

PKPKM berpendapat wakil rakyat perlu peka terhadap keadaan yang berlaku di kawasan masing-masing membabitkan pekebun kecil supaya diselesaikan dengan wajar.

(END)